



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

KBS : 82/2024

JAWATAN KUASA *ROAD TO GOLD* (RTG) BERSIDANG UNTUK KALI TERAKHIR SEBAGAI PENUTUP 2024

KUALA LUMPUR (22 NOVEMBER): Jawatan kuasa *Road To Gold* (RTG) bersidang buat kali terakhir tahun ini pada hari Rabu (20 November) untuk menutup akaun bagi kitaran RTG dan berterima kasih kepada ahli jawatan kuasa atas sumbangan mereka sejak penubuhan program RTG pada April 2023.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Hannah Yeoh dan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Dato' Sri Mohamad Norza Zakaria.

Untuk rekod, akaun RTG bagi tahun 2023 telah diaudit oleh Jabatan Audit Negara sebagai sebahagian daripada penyata kewangan MSN tahun 2023 dan diisytiharkan bahawa laporan kewangannya adalah teratur.

Jumlah perbelanjaan RTG untuk 2023 adalah RM4.083 juta seperti yang diaudit oleh Jabatan Audit Negara.

Seperti yang dinyatakan dalam Parlimen pada 7 November 2024, jumlah perbelanjaan RTG untuk tahun 2024 berjumlah RM13.2 juta. Perbelanjaan ini akan diaudit oleh Jabatan Audit Negara selepas tamat tahun ini.

Walaupun tidak mencapai sasaran utama untuk memenangi pingat emas pertama Malaysia di Olimpik, terdapat peningkatan ketara oleh para atlet RTG yang meletakkan mereka pada landasan yang betul untuk Sukan Olimpik seterusnya di LA2028.

Pearly Tan-Thinaah Muralitharan mencipta sejarah dengan menjadi pasangan beregu wanita pertama Malaysia yang berjaya mara ke peringkat separuh akhir temasya Olimpik. Kempen mereka yang tidak dapat dilupakan bermula dengan mereka mara dari 'Kumpulan Maut' yang terdiri daripada juara dan pemenang pingat emas Chen Qing Chen-Jia Yi Fan dan pemenang pingat emas Tokyo 2020 Apriyani Rahayu yang berganding dengan Siti Fadia Ramadhanti.

Aaron Chia-Soh Wooi Yik menunjukkan kekuatan mental yang luar biasa untuk meraih pingat gangsa kedua mereka di Olimpik. Dalam perlawanan pingat gangsa menentang Kim Astrup-Anders Skaarup Rasmussen, Aaron-Wooi Yik ketinggalan 16-20 dalam set kedua setelah kalah pada set pertama, tetapi mereka bangkit dari ambang kekalahan untuk memenangi set kedua dengan 22-20. Kekuatan mental itu memberikan mereka keyakinan untuk memenangi set penentuan 21-19 untuk pingat gangsa.

Chen Tang Jie-Toh Ee Wei menunjukkan prestasi cemerlang dengan mara ke suku akhir Olimpik Paris. Pasangan ini menduduki tempat teratas dalam kumpulan mereka dengan tiga kemenangan, sebelum tewas kepada lawan yang akhirnya memenangi pingat perak. Ini juga merupakan kali pertama pasangan beregu campuran Malaysia mencapai suku akhir sejak Olimpik 2016.

Aniq Kasdan membuat penampilan sulung di Olimpik dan menamatkan pertandingan di tempat ke-4. Lebih mengagumkan, hanya perbezaan 1kg dari mendapatkan pingat gangsa. Selain itu, beliau juga mencatatkan rekod kebangsaan baharu iaitu 297kg dengan angkatan berat sebanyak 130kg dalam acara *snatch* dan 167kg dalam kategori *clean and jerk*.

Walaupun **Datuk Azizulhasni Awang** hilang kelayakan dalam acara Keirin, beliau mencatatkan rekod kebangsaan baharu 9.402s dalam acara lelaki acara pecut daripada rekod sebelumnya 9.523s.

Shah Firdaus berjaya mara ke final keirin dan perlanggaran semasa perlumbaan telah menghalangnya daripada kemungkinan memenangi pingat gangsa Olimpik. Shah terus menunjukkan konsistensi dan kini berada di kedudukan keenam dunia.

Walaupun **Nurul Izzah Izzati** tidak berada dalam senarai RTG, beliau mendapat manfaat daripada semua perkhidmatan sokongan dan program latihan yang disediakan kepada Datuk Azizulhasni dan Shah Firdaus.

Beliau memecahkan rekod kebangsaannya sendiri dengan catatan masa 10.709 saat dalam pusingan kelayakan acara pecut wanita. Beliau memperbaiki catatannya sendiri 10.903 saat yang dicatat di Kejohanan Asia di Nilai tahun lalu.

Selepas Olimpik, para atlet juga menunjukkan peningkatan dalam pertandingan baru-baru ini.

Aniq Kasdan membawa pulang pingat emas (61kg) di Kejohanan Komanwel 2024 yang mana beliau memecahkan rekod kebangsaannya sendiri dengan mengangkat jumlah berat 298kg.

Aniq terus menunjukkan kemajuan yang konsisten selepas menyertai RTG dan kini berada di kedudukan keenam dunia. Beliau berada di kedudukan ke-10 dalam ranking Olimpik ketika beliau dipilih untuk menyertai program ini.

Pearly Tan-Thinaah Muralitharan memenangi *Hong Kong Open (Super 500)* selepas menewaskan pasangan nombor satu dunia Liu Sheng Shu-Tan Ning dalam dua perlawanan. Mereka juga menamatkan pertandingan sebagai naib juara di *Korea Open (Super 500)* dan *Arctic Open (Super 500)*.

Chen Tang Jie-Toh Ee Wei memenangi *Korea Open (Super 500)* untuk mencapai pencapaian terbesar dalam kerjaya mereka sebagai pasangan beregu.

Aaron Chia-Soh Wooi Yik memenangi gelaran kedua mereka dalam jelajah *BWF World Tour* selepas memenangi gelaran *Korea Masters (Super 300)*.

Nurul Izzah Izzati terus menunjukkan kemajuan yang mantap dengan pencapaian terbaiknya di Kejohanan Dunia UCI pada bulan Oktober yang mana beliau menduduki tempat ketujuh dalam acara keirin kejohanan tersebut.

Ahli-ahli RTG mendapatkan pelbagai tajaan komersial untuk manfaat atlet semasa kempen Olimpik dan Paralimpik Paris. Tajaan tersebut adalah:

Iklan Digital Out Of Home (DOOH) 'Kenali Atlet' dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pemilik media dan dilaksanakan secara percuma dengan tiga syarikat media untuk tempoh tiga bulan dari Jun-September. Jumlah nilai tajaan ini adalah sebanyak **RM5,238,248**.

Chery Malaysia menyediakan tajaan tiga SUV Tiggo7Pro kepada pemenang pingat gangsa Olimpik Paris Aaron Chia, Soh Wooi Yik dan Lee Zii Jia bernilai **RM371,400** dan menawarkan diskaun 50% lagi kepada pemenang pingat emas Paralimpik Paris Cheah Liek Hou dan Bonnie Bunyau Gustin.

AirAsia telah menyediakan penerbangan percuma seumur hidup untuk pemenang pingat emas Olimpik dan Paralimpik Paris. Penerbangan percuma selama 3 tahun untuk pemenang pingat perak Olimpik dan Paralimpik Paris dan penerbangan percuma selama 1 tahun untuk pemenang pingat gangsa Olimpik dan Paralimpik Paris.

Grab Malaysia telah menawarkan 1 juta mata Ganjaran Grab untuk pemenang pingat emas (Olimpik dan Paralimpik); 500,000 mata Ganjaran Grab untuk pemenang pingat perak (Olimpik dan Paralimpik); dan 250,000 mata Ganjaran Grab untuk pemenang pingat gangsa (Olimpik dan Paralimpik).

Fishermen, sebuah agensi yang memenangi pelbagai anugerah menawarkan perkhidmatan profesional mereka secara *pro-bono*. Perkhidmatan Fishermen termasuk mencipta animasi 'Kenali Atlet' untuk dipaparkan di skrin digital di seluruh negara dan mencipta konsep jenama TEAM MAS.

Selepas kempen Olimpik Paris berakhir, program RTG dipuji oleh atlet dan jurulatihnya kerana sokongan menyeluruh yang diberikan sepanjang persiapan untuk Olimpik. Jurulatih dan atlet telah meminta agar program ini diteruskan sehingga LA2028 untuk mereka membuat persiapan dengan cara terbaik dan RTG telah berjaya mendapatkan dana sebanyak RM10 juta melalui Belanjawan 2025 baru-baru ini.

Rexy Mainaky merupakan pengarah kejurulatihan badminton negara dan jurulatih berbasikal trek negara John Beasley, kedua-duanya berkata program RTG sangat berharga untuk atlet mereka dan mahu ia diteruskan demi kebaikan sukan Malaysia.

Rexy Mainaky: "RTG membantu kami hanya selama setahun, dan kami berjaya membawa pulang pingat. Jika program ini dimulakan lebih awal, mungkin kami dapat menunjukkan prestasi yang lebih baik. Kami berharap program ini akan diteruskan sehingga Olimpik LA2028."

John Beasley: "Ini adalah program elit, kami faham bahawa untuk mencapai sasaran pingat emas akan mengambil masa. Kelebihan ini perlu diberikan kepada Malaysia untuk menjadi yang terbaik dan saya jamin ia akan memberi pulangan sepuluh kali ganda. Jika RTG dihentikan maka kami perlu bermula dari awal semula."

YB Hannah Yeoh telah mengucapkan terima kasih kepada jawatan kuasa atas komitmen dan sokongan mereka untuk memastikan program tersebut mendapat sokongan terbaik kepada atlet yang berada di bawah jagaan mereka.

Untuk masa hadapan, bagi menyesuaikan kitaran Olimpik yang baharu, jawatan kuasa RTG yang baharu akan diumumkan tahun depan dan program sokongan RTG dan *Fast Track* untuk atlet akan diteruskan seperti biasa.

-TAMAT-

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN
22 NOVEMBER 2024**



YB Hannah Yeoh bersama Jawatan kuasa *Road to Gold* (RTG)